

Modal insan Gen Y

■ **Pensyarah syor Bajet 2017 salur peruntukan program bermanfaat**

Siti Fatimah Hassan

sfhassan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Fokus kerajaan terhadap usaha pembangunan modal insan negara dalam kalangan generasi muda mampu dilaksanakan dengan lebih berkesan menggunakan kaedah kreatif khususnya bagi menarik minat pelajar institusi pengajian tinggi.

Pakar sosial yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, biarpun generasi muda terus menjadi antara agenda utama kerajaan menerusi peruntukan besar, namun pelaksanaan program harus diberi perhatian.

"Kita mempunyai 1.3 juta generasi muda di institusi pengajian tinggi dan mereka ini adalah generasi Y. Mereka ini juga aset negara dan amat penting untuk membentuk pemikiran masing-masing supaya selari dengan agenda negara.

"Pemikiran itu termasuk melahirkan generasi yang tidak mudah terpedaya dengan maklumat palsu dan mengelakkan mereka daripada unsur negatif," katanya.

Beliau mencadangkan sejumlah peruntukan yang disalurkan menerusi pembentangan Bajet 2017 tidak lama lagi diagihkan bagi mewujudkan sistem merit sebagai galakan kepada pelajar institusi pengajian tinggi mem-babitkan diri dalam pelbagai program bermanfaat.

Katanya, menerusi merit yang dikumpul itu, ia membolehkan pelajar menukarnya dalam bentuk barangan yang memberi faedah dan kegunaan pelajar terbabit.

"Jika boleh, sistem merit diperkenalkan kepada generasi muda setiap kali mereka



“**Pemikiran itu termasuk melahirkan generasi yang tidak mudah terpedaya dengan maklumat palsu dan mengelakkan mereka daripada unsur negatif**”

Dr Mohammad Shatar Sabran

mengikuti program yang mendapat pengiktirafan daripada kerajaan atau badan bertauliah.

"Merit yang dikumpul itu boleh ditukar kepada barangan tertentu seperti barangan dan ia memerlukan peruntukan tertentu daripada kerajaan.

"Walaupun pelajar merasakan mereka terpaksa untuk menghadiri program itu namun ia soal kedua kerana apa yang penting mereka perlu didedahkan dengan perkara positif seterusnya membantu kerajaan membangunkan modal insan negara," katanya.

Katanya, beliau yakin se-kiranya sistem seumpama itu boleh mengelakkan generasi muda daripada terus disogok dengan maklumat tidak bertanggungjawab.

"Cadangan ini dilakukan berdasarkan kajian yang saya lakukan sebelum ini apabila mereka lebih berminat jika terdapat sistem merit dalam program dianjurkan," katanya.